

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 31 JANUARI 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI bina lading BioNG di Sabah	Utusan Malaysia
2	Weatherman: It will be a cool CNY	The Star
3	Apakah faedah misi Antartika?	Sinar Harian

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 18**  
**TARIKH : 31 JANUARI 2014 (JUMAAT)**

## MOSTI bina ladang BioNG di Sabah

KUALA LANGAT 30 Jan. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan memohon dana sebanyak RM12 juta daripada Kementerian Kewangan untuk tujuan program ladang demonstrasi biogas metana mirip gas asli (BioNG) di Sabah.

Menterinya, Datuk Ewon Obin berkata, dana itu adalah di bawah program Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara.

Menurutnya, ladang kela-pa sawit di negeri Sabah adala-h luas dan mampu meng-hasilkan BioNG dengan kap-a-siti yang banyak.

"Jumlah keseluruhan la-dang sawit yang besar di ne-gara ini adalah sebanyak 425 buah meliputi pelbagai sya-rikat perladangan.

"Jika kesemua ladang ter-sebut menghasilkan gas ini, ia dapat membantu menyokong per-mintaan 17 peratus gas asli dalam pasaran manakala pen-jimatan 10 peratus untuk petrol bagi sektor pengang-

kutan di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat loji perintis biogas yang dibangunkan SI-RIM bersama Sime Darby Re-search Sdn. Bhd., di kilang East Oil Mill milik Sime Darby Plantation Sdn. Bhd., di Pulau Carey di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi SIRIM, Datuk Jamaliah Kamis serta Presiden dan Ketua Ek-sekutif SIRIM, Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Projek pengeluaran skala perintis biogas itu merupakan salah satu daripada 13 projek yang diluluskan MOSTI me-lalui skim Technofund seba-nyak RM3 juta pada 2009.

Biogas merupakan industri yang unik kerana dihasilkan melalui kaedah fermentasi oleh mikro organisma yang sensitif kepada perubahan persekitaran.

Kualiti dan kuantiti biogas yang konsisten diperlukan un-tuk mengoptimumkan peng-hasilan biometana.



EWON Obin memandu kereta yang menggunakan gas yang dihasilkan daripada sisa kelapa sawit di Pulau Carey Kuala Langat, semalam.

## Weatherman: It will be a cool CNY

**PETALING JAYA:** There will be no rain in most parts of the country, making it a cooler than usual Chinese New Year, according to the Meteorological Department.

Department director-general Datuk Che Gayah Ismail said he expected the weather to persist until early March.

The north-easterly winds from China is contributing to this cooler than usual weather.

This weather is apparently normal during this time of the year.

Che Gayah said that the haze was making the days drier – pollutants from factories and cars are trapped in the air, particularly true in urban areas, creating localised haze.

"There will be no rain for at least five days. Only when it rains will these pollutants be washed away," said Che Gayah.

The department has issued warnings of strong winds and rough seas for Kelantan, Terengganu, Johor, Pahang, Sarawak, Labuan, and Sabah.

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (CETUSAN) : MUKA SURAT 20**  
**TARIKH: 30 JANUARI 2014 (KHAMIS)**

# Apakah faedah misi Antartika?

KEPADAA Datuk Seri Ahmad Said, selamat pulang ke tanah air! Sekiranya menebat jadual dan tidak melencong ke tempat lain, Menteri Besar itu akan memrijak semula bumi penyu tiga hari lagi, setelah kedinginan di Antartika.

Seperi yang dilaporkan media beliau berada di wilayah sejuk beku itu selama 15 hari bermula 18 Januari lalu, mengetuai rombongan lawatan kerja untuk satu eksplorasi saintifik.

Memang sejak awal lagi sudah ada suara-suara sumbang mengenai lawatan ke kutub selatan itu. Pembangkang tidak setuju dan menganggap ini sebagai satu lagi pembaziran melampaui wang pembayar cukai.

Mereka bertanya, ketika seluruh rakyat diminta mengikat perut untuk meringankan kos hidup, apa perlunya menghantar rombongan penyelidik saintis ke kawasan yang langsung tidak ada kepentingan dengan kita?

Bertanya lagi mereka, apa perlunya MB turut bersejuk-sejuk di



dari  
menara KL

ABD JALIL ALI

abd\_jalil@starbiznet.com.my

sana? Bagi mereka Datuk Seri lebih diperlukan di Terengganu, lebih-lebih lagi pada ketika orang ramai masih dalam kesempitan hidup gara-gara kesan banjir besar baru-baru ini.

Bagi rakyat yang dalam kesusahan tentulah berasa selamat sekiranya 'Robin Hood' bersama mereka. MB mendapat gelaran Robin Hood kerana kebaikan dan keprifitinan beliau memberi dua lori roti kepada mangsa banjir. Beliau bagaimana pun tidak setuju gelaran tersebut.

Pendek kata dalam keadaan sekarang, tidak perlu beliau meninggalkan negeri pernyu. Lagi pun beliau pasti tidak dapat melakukan apa-apa penyelidikan di Antartika sebab beliau bukan saintis. Sebab itu pembangkang mahu lawatan tersebut dibatalkan. Tetapi

YAB pergi juga.

Menjadi kontroversi lagi apabila ada percanggahan fakta mengenai siapa yang membayar kos eksplorasi ini. Pejabat MB mulanya memberitahu bahawa semua kos adalah dari peruntukan Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM). Tetapi itu dinafikan pihak yayasan.

"Lawatan itu bukan anjuran YDSM, dia ia tiada kaitan dengan program yayasan," kata Setiausaha Kerja YDSM, Mohd Azrul Ismail, seperti yang dilaporkan media.

Rupanya ada kesilapan fakta, dan pejabat MB mengeluarkan kenyataan baharu bahawa misi ke kawasan air batu itu dikendalikan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan, di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar (Mnsti), dan tiada kaitan dengan YSDM.

Bagi sesetengah pihak, tidak kira siapa penganjur atau duit dari yayasan mana, wang rakyat tidak sepautnya dibazirkan untuk tujuan-tujuan yang tidak jelas. Kalau betul untuk eksplorasi saintifik, hantar

sahajalah ahli sains, bukan ahli politik.

Tentu sekali pembangkang menjadikan ini sebagai isu, lebih-lebih lagi kini BN, khasnya Umno, dalam keadaan nyawa-nyawa ikon di Dun dengan kelebihan hanya dua kerusi – 15-17 – selepas PRU13. Pada kedudukan dok rok cetong, MB sepautnya mengelakkan diri dari dilihat sebagai membazir.

Kalaulah tidak kerana situasi merudum seperti sekarang, lawatan ke luar negara itu akan dianggap biasa. Lagi pun bukan suatu keanehan ketua kerajaan – negeri atau pusat – mengetui siri misi ke luar negara, termasuk lawatan kerja dan lawatan diagnostik untuk menarik pelabur asing.

Apakah yang dibangkitkan sekarang ialah Menteri Besar Terengganu berkunjung ke luar negara selama dua minggu pada ketika kerajaan pagi petang, siang malam, meneriakkan kempen berjimat seluruh negara. Sedikit aneh YAB bukan mencari pelabur asing, tetapi meninjau air batu di kutub selatan.

Untuk berlaku adil, rombongan tersebut memang membawa saintis dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Malah, seperti yang dijelaskan MB: "UMT telah letakkan seorang penyelidik di sebuah stesen di Antartika selama tiga bulan yang dikendalikan Korea Selatan."

Sebelum berangkat beliau memberitahu: "Misi ini akan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mampu menyumbang dari segi penyelidikan berkaitan perubahan cuaca dunia yang semakin tidak menentu."

Secara ketepuan ketika dua minggu rombongan membuat kajian cuaca di hujung dunia, beberapa kawasan di pantai timur mengalami perubahan suhu amat mendadak. Di Kuala Krai, Kelantan suhu jatuh hingga 17 darjah Celsius, sementara di Besut, Terengganu suhu dingin hingga 19 darjah Celsius.

Tetapi, percayalah perubahan mendadak suhu di Kuala Krai dan Besut ini tidak ada kaitan, dan bukan gara-gara eksplorasi saintifik Ahmad Said ke Antartika!